

UMP agih bubur lambuk kepada orang ramai

Jasmin (Nigas) Rabu 6/6/18 m/s : 19



DAING NASIR (berdiri dua dari kanan) mengagihkan bubur lambuk kepada seorang wanita yang berbuka puasa di Padang MPK 1, Kuantan kelmarin.

KUANTAN - Sebanyak 30 sukarelawan daripada kakitangan Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengagihkan 2,100 bekas berisi bubur lambuk kepada orang ramai di Padang Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) 1 di sini kelmarin.

Program Memasak Bubur Lambuk Komuniti 2018 anjuran UMP itu turut mendapat kerjasama Matahari, Pahang FM, Alam Media dan Tirai Anjung Enterprise yang turut bersama-sama bergotong-royong menyediakan tujuh periuk bubur lambuk seawal pukul 9 pagi.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Seri Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, program seumpama itu merupakan platform buat kakitangan universiti untuk memperluaskan jaringan komuniti sekali gus memperkasakan khidmat sosial bersama masyarakat setempat.

"Pihak UMP turut membawa 30 pelajar antarabangsa untuk merasai peluang berbuka puasa beramai-ramai di Padang MPK 1 yang pada masa sama memberikan mereka pendedahan terhadap keindahan tradisi dan budaya masyarakat di bulan

Ramadan," katanya ketika ditemui selepas melancarkan Program Memasak Bubur Lambuk Komuniti 2018 UMP di sini kelmarin.

Sementara itu, seorang pelajar UMP, Natalie Gerth, 24, berkata, budaya dan amalan masyarakat Malaysia amat unik terutama pada bulan puasa.

"Saya tetap mencuba pengalaman berpuasa bersama rakan-rakan beragama Islam di kampus," katanya yang merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Industri dan berasal dari Breman, Jerman.